

BAB 6

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan rumusan penemuan kajian yang telah dihuraikan dalam Bab 5, cadangan serta cadangan kajian lanjut. Analisa dan penemuan kajian ini adalah untuk menjawab kepada objektif kajian sebagaimana yang telah digariskan dalam Bab 1 kajian ini. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan TD adalah penting demi menjaga keharmonian serta keselamatan negara khususnya daripada ancaman luaran. Bagi memastikan ianya direalisasikan TD semestinya berada dalam kesiapsiagaan yang tinggi setiap masa dan Logistik adalah salah satu diantara faktor dalam menentukan kesiapsiagaan tersebut.

Sehubungan dengan itu, cabaran didalam menguruskan bantuan lojistik serta menentukan agar bantuan yang berterusan dapat dilaksanakan, ianya amat bergantung kepada keberkesanan sistem perolehan yang diamalkan oleh TD sekarang. Ini kerana amalan perolehan untuk mendapatkan material bagi keperluan TD adalah penting bagi menentukan segala keperluan diperolehi mengikut kuantiti dan masa yang ditetapkan dan kegagalannya akan menjejaskan kesiapsiagaan TD.

6.2 RUMUSAN KEPUTUSAN

Berdasarkan kepada keputusan ujian seperti di dalam Bab 5 menunjukkan bahawa ujian-ujian yang telah dilaksanakan adlah seperti berikut:

- **Demografi.** Sebanyak 400 responden telah diselidiki yang mempunyai latar belakang pelbagai iaitu dari anggota pasukan Logistik yang mengendalikan secara langsung proses perolehan dan anggota bukan pasukan Logistik yang terlibat secara tidak langsung (anggota dari kalangan Logistik pasukan) dan tidak terlibat secara langsung mengenai Logistik. Disamping itu pangkat yang disandang samada dari kalangan Pegawai, PTT Kanan, Kpl kebawah/Awam, pengalaman dalam perkhidmatan serta tempoh memegang jawatan sekarang. Ini bertujuan untuk menghasilkan satu keputusan yang seimbang dan boleh '*generalised*'. Taburan kepelbagaian ini perlu kerana setiap peringkat pangkat serta pengalaman pegawai dan anggota dapat memberikan jawapan yang signifikan kepada kajian. Hasil kajian merumuskan bahawa amalan perolehan sekarang telah memberikan kesan kepada Kesiapsiagaan Material TD dan seterusnya menjadi kayu ukur kepada Kesiapsiagaan TD secara keseluruhannya.

- **Ujian Hipotesis.** Berdasarkan kepada Hipotesis ujian yang telah dilakukan melalui Ujian Spearman's Rho dan Ujian Regresi Berganda mempunyai korelasi dan signifikan yang tinggi. Ini bermakna kesemua variable peramal (H1 - H4) seperti sistem perolehan, peruntukan kewangan, pegangan inventori dan bantuan Ordnans mempunyai perkaitan yang signifikan dengan Kesiapsiagaan Material (variable bersandar). Disamping itu juga keempat-empat (H5) variable peramal tersebut juga mempunyai perhubungan yang signifikan antara satu sama lain kepada Kesiapsiagaan Material.

6.3 RUMUSAN KESELURUHAN

Secara umumnya Sistem Perolehan yang diamalkan oleh TD masa kini telah memberikan kesan kepada Kesiapsiagaan Material dan sekaligus kesan kepada Kesiapsiagaan TD. Faktor-faktor yang menjuruskan kepada amalan perolehan adalah seperti berikut:

- Sistem Perolehan Secara Tender/Kontrak. Sistem perolehan ini yang mengambil masa yang lama akan menyebabkan kelewatan penghantaran dan secara langsung akan menjejaskan prestasi/performa perolehan itu sendiri. Apabila berlaku kelewatan, maka keperluan pasukan tidak dapat dibekalkan mengikut masa serta kuantiti yang dikehendaki. Hujah ini dapat dikuatkan lagi melalui hasil temuduga dengan Panglima Logistik TD, mantan Panglima Logistik TD dan Timbalan Setiausaha Bekalan (A), Bahagian Perolehan. Menurut keterangan ketiga-tiga mereka tersebut bahawa kaedah perolehan secara tender perlu dikaji dan supaya tempoh proses dapat disingkatkan. Dari itu, satu kajian yang komprehensif perlu dilakukan oleh KEMENTAH maupun diperingkat Kementerian Kewangan untuk menangani perkara ini.
- Sistem Belanjawan. Peruntukan yang diperuntukan dalam sistem belanjawan tidak mencukupi sebagaimana keperluan. Berdasarkan kepada temuduga Pegawai Memerintah 91 DPO, peruntukan perbelanjaan yang diluluskan hanya sekitar 54% - 74% daripada keperluan sebenar. Fakta ini diperakui oleh Panglima dan Mantan Panglima Log TD. Faktor ini akan memberikan kesan kepada keberkesanan perolehan dimana segala perancangan perolehan material tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut

keperluan TD. Ini secara langsung akan memberikan kesan kepada Kesiapsiagaan Material pasukan.

- Pengurusan Inventori. Pengurusan Inventori meliputi pegangan dan pengurusan semasa dalam simpanan. Pegangan inventori yang tinggi akan melibatkan peruntukan dan kos penyelenggaraan yang tinggi. Disamping itu, ianya memerlukan kepada satu sistem yang efisien seperti penggunaan sistem teknologi maklumat (sistem pengkomputeran). Menurut Pegawai Memerintah 91 DPO, jumlah inventori yang dipegang oleh 91 DPO berjumlah RM 328.081 juta (136,152 *items*). Manakala menurut mantan Panglima Logistik TD, pegangan inventori yang tinggi memerlukan kepada peruntukan yang tinggi. Disamping itu juga ianya memerlukan kepada penggunaan sistem komputer yang baik untuk menentukan pengurusan yang cekap dan kontemporari. Dengan adanya sistem perkomputran tersebut akan memudahkan pasukan membuat permohonan secara *on line* atau mengetahui stok visibiliti. In secara langsung tempoh sesuatu permohonan dapat dipendekkan disamping dapat menghindarkan masalah birokrasi dan masalah kelewatan. Ini ditekankan oleh kedua-dua Panglima Log TD yang mana TD sepatutnya menggunakan sistem komputer dalam semua pengurusan inventori seperti Sistem CODIMS . Namun demikian, atas sebab - sebab tertentu maka sistem ini masih belum terlaksana sepenuhnya dalam TD.

- Bantuan Ordnans. Strategi bantuan Ordnans secara *decentralise* untuk mencapai tahap bantuan maksima dengan penggunaan sumber yang minima. Strategi ini membolehkan pemerintah disetiap peringkat pasukan dan

formasi seperti Div dan Bgd mempunyai aset Ordnansnya sendiri didalam merancang operasi dan aktiviti hariannya. Dalam hal ini faktor kemahiran pemerintah dan anggota Lojistik pasukan dalam menentukan segala perancangan dan keperluan pasukan diuruskan dengan efisien dan mengikut *time line*. Dalam ertikata lain segala keperluan Ordnans diterima mengikut masa dan kuantiti keperluan dan ini secara langsung dapat memenuhi keperluan/kepuasan pengguna. Faktor ini penting kerana dalam suasana militer, faktor kejayaan bukan hanya terletak kepada kekuatan anggota, namun sokongan material dalam konteks bantuan Ordnans adalah penting. Selain daripada itu pengurusan stor dan dokumen adalah penting dalam menentukan segala bantuan Ordnans diterima mengikut keperluan. Faktor penggunaan komputer dan sistem permohonan dengan menggunakan BAT L 8 perlu dikaji agar bersesuaian dengan perubahan semasa dan era Teknologi Maklumat (IT).

6.4 CADANGAN

Bagi mengatasi masalah semasa didalam sistem perolehan semasa TD yang telah dibentangkan diatas, suatu pendekatan yang menyeluruh serta kolektif perlu diambil dengan segera oleh agensi dan bahagian terlibat. Ianya penting didalam menjamin tahap kesiapsiagaan TD, keselamatan dan kedaulatan Negara sentiasa terjamin. Lantaran itu adalah dicadangkan tindakan dan pendekatan berikut diambil:

Sistem Perolehan Secara Tender.

- Mengkaji keseluruhan proses mewujudkan kontrak bagi melihat dan mengenalpasti punca kegagalan proses menepati tempoh yang digariskan. Ini mungkin melibatkan penetapan tempoh yang kurang realistik atau kegagalan cawangan tertentu untuk berfungsi dengan berkesan. Kajian seterusnya perlu mencadangkan tindakan susulan termasuk prosedur, tempoh masa, bidangkuasa dan tindakan terhadap bahagian yang gagal menepati fungsi yang diperlukan agar dikaji semula peranannya.
- Garis panduan khusus diberikan perhatian khususnya melibatkan keupayaan, tempoh penghantaran dan tanggungjawab pembekal. Kajian seperti menetapkan pembekal yang bertaraf pembuat bagi menjamin kadar pengeluaran dan tempoh penyampaian, melawat permis pembekal sebelum sesuatu kontrak diberikan sebagai syarat utama untuk menentukan maklumat keupayaan pembekal adalah tepat serta tidak melantik syarikat yang tidak berdaya saing dan mampu untuk mengembangkan industri pertahanan. Diperingkat ini tempoh masa kontrak yang diberikan menyebabkan syarikat tidak komited untuk mengembangkan industrinya kerana tempoh yang diberikan terlalu singkat iaitu disekitar dua hingga tiga tahun sahaja dan tiada jaminan akan pelaburannya itu akan terus diperlukan dimasa akan datang. Oleh itu dicadangkan tempoh kontrak dilanjutkan kepada sekurang - kurangnya kepada 5 tahun.
- Mengadakan inovasi produk melalui lokalisasikan material buatan dari luar negeri. Dengan cara ini akan memendekkan tempoh penyampaian bagi sesuatu tempahan. Faktor ini dapat direalisasikan dengan kerjasama sepenuhnya dari semua agensi terutamanya Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE -

Science and Technology Research Institute of Defense). Disamping juga sistem penggantian dan rekabentuk sistem kenderaan, elektronik dan optronik bagi peralatan luar negeri bersesuaian dengan iklim dan kemampuan pembekalan tempatan.

Jumlah Peruntukan dalam Sistem Belanjawan

- TD perlu menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji keperluan sebenar peruntukan TD. Jawatankuasa ini perlu dianggotai oleh semua agensi yang terlibat dalam pengurusan perolehan supaya satu persetujuan bersama dicapai dalam menangani kekurangan peruntukan dan mengubahsuai objektif dan misi TD semasa, berdasarkan kepada peruntukan tahunan yang diterima.
- Memberi keutamaan perolehan material mengikut keperluan pengguna berasaskan kepada kritikaliti material kepada fungsi dan memendekkan talian pengagihan kepada pengguna. Ini dapat dilaksanakan dengan pendekatan berikut:
 - Program mengawal perolehan melalui rancangan perolehan bagi tahun kewangan dan rancangan perolehan strategik 5 tahun mengikut kritikaliti komoditi dan fungsi.
 - Program perolehan mengikut keperluan operasi, latihan dan pentadbiran berasaskan kepada keutamaan dan sasaran ditetapkan oleh markas atasan TD.
 - Program perolehan mengikut program baik pulih kenderaan, peralatan dan persenjataan oleh agensi baikpulih dilakukan secara *comprehensive* dan *value for money*. Satu badan khas yang dilantik khas oleh KEMENTAH bagi

melakukan pemantauan dan pemeriksaan untuk menentukan pelaksanaan baik pulih dilakukan mengikut perancangan.

Pengurusan Inventori.

- Mengadakan *Automated Storage and Retrieval System* (ASTS) dengan menggabungkan sistem *Computerise Ordnance Depot Inventory Management System* (CODIMS) dan pemodenan sistem pengstoran dengan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan aktiviti pengstoran. Dengan pengujudan sistem ini kelak, segala pengurusan samada permohonan dan aktiviti transaksi akan menggunakan *on line* dan *paper less* seperti penggunaan BAT L 8 dapat dikurangkan malah boleh dihapuskan secara keseluruhannya. Ini sekaligus dapat meningkatkan kecekapan pengurusan stor dan kepuasan pelanggan ketahap maksima.
- Dengan penggunaan ASTS dan CODIMS, stok visibility dan pemindahan stok kepada pasukan yang memerlukan dengan cepat dan berkesan. Disamping itu juga kawalan, kordinasi dan pemantauan dari markas atasan dapat dilakukan dengan segera bagi tujuan tertentu termasuk keperluan perolehan.

Bantuan Ordnans.

- Memberi keutamaan perolehan material mengikut keperluan pengguna dan berasaskan kepada kritikal material kepada fungsi serta memendekkan talian

pengagihan kepada pengguna. Cara ini dapat dilaksanakan sepenuhnya apabila sistem ASTS dan CODIMS digunakan sepenuhnya.

- Proram perolehan mengikut keperluan operasi, latihan dan pentadbiran berasaskan kepada keutamaan dan sasaran yang ditetapkan oleh TD.
- Mengadakan pemeriksaan Logistik berterusan daripada markas atasan TD kepada pasukan-pasukan untuk menentukan segala material yang dimiliki digunakan, diselenggara dan disimpan mengikut peraturan semasa. Disamping itu untuk memberi khidmat nasihat serta membantu pasukan didalam mengatasi masalah yang dihadapi. Selain dari itu sebarang penyelewangan dan ketidakpatuhan dalam pengurusan stor perlu diambil tindakan sewajarnya.
- Mengadakan seminar dan latihan yang berterusan untuk memberikan kesedaran dan mengujudkan budaya *self belonging* kepada pengguna akan pentingnya material dan aset yang dimiliki dijaga dengan baik supaya hayat penggunaan dipertingkatkan.

6.5 CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Sepertimana yang diterangkan dalam Bab 1, bahawa kajian ini hanya berkisarkan kepada pasukan 91 DPO selaku Depot Utama pengeluar material atau bantuan Ordnans. Sehubungan dengan untuk melihat hasil atau satu keputusan yang lebih mendalam, adalah dicadangkan supaya kajian akan datang mengambil kira keperluan daripada pasukan-pasukan BOD dan KOD dalam TD. Disamping itu fokus kajian hanya kepada satu komoditi material sahaja (samada pakaian, AGKB, perabut,

alatulis, stor Teknikal atau stor am). Kedua-dua cadangan ini adalah untuk melihat keberkesanan perolehan dalam membantu Kesiapsiagaan Material TD.

6.6 PENUTUP

Kajian ini akan memberikan satu panduan yang signifikan kearah menambahbaikkan lagi sistem dan amalan perolehan TD buat masa ini. Ini kerana kelewatan atau kegagalan memperolehi sesuatu material yang diperlukan oleh TD dalam masa yang diperlukan akan menjejaskan Kesiapsiagaan TD secara keseluruhannya. Oleh itu, segala cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini perlu diberikan perhatian selanjutnya oleh TD dan satu kordinasi perlaksanaan sewajarnya diwujudkan. Ini bersesuaian dengan tugas TD untuk mempertahankan negara dan akan mengujudkan suasana negara yang aman, pertumbuhan ekonomi yang baik dan mencapai wawasan 2020 disamping menjadikan Negara Malaysia terbilang, cemerlang dan gemilang.